

# 6 keputusan penting disepakati

Tujuh kertas mesyuarat dibincang tambah baik governans, integriti

Oleh Muhammad Yusri Muzamir  
yusri.muzamir@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Enam keputusan penting dicapai pada mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah (JKKMAR) Siri 13 Bilangan 3 Tahun 2020 yang dipengerusikan Tan Sri Muhyiddin Yassin, semalam.

Perdana Menteri berkata, ia membabitkan persetujuan secara prinsip bagi syor Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) untuk melaksanakan *Program Authorized Economic Operator (AEO)* di peringkat nasional.

Selain itu katanya, JKKMAR bersetuju perbincangan diadakan di antara Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) de-

ngan Ketua Setiausaha Negara (KSN) dan Jabatan Peguam Negara bagi membolehkan Laporan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (LSPRM) dan Laporan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (LSEAIC) dijadikan sebagai keterangan dalam prosiding tatatertib.

"JKKMAR juga secara prinsip bersetuju supaya Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC) bersama Menteri Kanan, KSN, Jabatan Peguam Negara dan SPRM, memperhalusi garis panduan pengeluaran surat sokongan oleh anggota pentadbiran.

"JKKMAR turut bersetuju dengan dua syor Jabatan Kerja Raya (JKR) bagi menambah baik tatacara dan kaedah penilaian tender melalui peningkatan integriti maklumat dalam memastikan keberkesanan penilaian tender.

"Dua syor berkenaan ialah mengadakan usaha sama di antara JKR dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi menggunakan maklumat dalam pangkalan data agensi bagi tujuan penilaian tender serta menguatkuasakan

syarat bon tender bagi tender tertentu kerajaan," katanya menerusi kenyataan, semalam.

Perdana Menteri berkata, JKKMAR juga secara prinsip bersetuju supaya kajian komprehensif berkaitan Pewujudan Peruntukan Undang-Undang Baharu berkenaan Perjanjian Penangguhan Pendakwaan secara bersama oleh Jabatan Peguam Negara dan SPRM berkaitan peruntukan Liabiliti Korporat bagi melihat mekanisme dan penanda aras ba-

 **Bagi meningkatkan integriti Setiausaha Politik, JKKMAR secara prinsip bersetuju dengan syor GIACC supaya Kod Tugas dan Fungsi Setiausaha Politik diwujudkan.**

Muhyiddin Yassin,  
Perdana Menteri

gi suatu organisasi komersial dituduh di bawah Seksyen 17A (4) Akta SPRM 2009.

Muhyiddin berkata, bagi meningkatkan integriti Setiausaha Politik (SUPOL), JKKMAR secara prinsip bersetuju dengan syor GIACC supaya Kod Tugas dan Fungsi Setiausaha Politik diwujudkan, sesuai dengan objektif pelantikan mereka dalam membantu menguruskan hal ehwal berkaitan urusan politik sahaja.

"Bagi melengkapkan peningkatan integriti dalam proses sokongan, arahan Perdana Menteri berkaitan Kod Tugas dan Fungsi SUPOL ini dapat menyempurnakan arahan terdahulu yang dikeluarkan khusus bagi pegawai kerajaan.

"Mesyuarat turut mengambil maklum mengenai usaha menyebar luas aspek governans, integriti dan antirasuah melalui promosi serta publisiti media yang akan dipergiat berdasarkan konsep normal baharu.

"Sebanyak tujuh kertas mesyuarat dibincangkan dan dimaklumkan kepada ahli JKKMAR, fokus kepada inisiatif bagi menam-

bah baik governans dan integriti dalam memerangi rasuah seperti digariskan dalam Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023 (NACP)," katanya.

Mengenai pelaksanaan Program AEO, beliau berkata, ia bertujuan meningkatkan pematuhan industri, keselamatan dan fasiliti perdagangan di sempadan, membabitkan urusan import eksport.

"Pada pembentangan Belanjawan 2021 lalu, kerajaan mencadangkan pelaksanaan program AEO oleh JKDM dengan pembabitkan jabatan, agensi pengawal atur dan penguatkuasaan bagi memberi kemudahan pelepasan kargo berisiko rendah.

"Pada masa sama, semua agensi berkenaan dapat meningkatkan keberkesanan kerja dengan memberi penumpuan pemeriksaan terhadap kargo berisiko tinggi.

"Ia antara lain dapat mengurangkan isu rasuah dan ketirisan hasil kerajaan. Kementerian Kewangan juga bersetuju dengan peruntukan RM3.3 juta setahun bagi merealisasikan program AEO secara bersepadu pada peringkat nasional," katanya.